

26/08/1997

Bina badan: Budi bicara Sarawak tangani masalah

PETALING JAYA, Isnin - Kerajaan menyerahkan kepada budi bicara kerajaan Sarawak untuk menangani masalah membabitkan pertandingan bina badan di negeri itu, yang menimbulkan kontroversi sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abd Hamid Othman, berkata pihaknya menyerahkan kepada kebijaksanaan kerajaan Sarawak menyelesaikan masalah itu secara harmoni.

"Sebenarnya, perkara itu timbul kerana ia membabitkan cara berpakaian, bukan pertandingan itu.

"Ini akan dibincangkan. Perkara itulah yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu satu fatwa hukum Syarak bagaimana hendak tadbirkan perkara ini secara sempurna," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Muzakarah Haji peringkat kebangsaan kali ke 13 dan pelancaran video Ibadat Haji terbitan bersama TV3 dan Lembaga Tabung Haji, di Kompleks Tabung Haji di sini, hari ini.

Dr Abd Hamid berharap orang ramai tidak memprotes, tersinggung atau mungkin kerana iltizam mereka kepada persatuan sehingga sanggup melawan hukum Syarak.

Jumaat lalu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, mengarahkan agar semua pihak terbabit menghentikan mengeluarkan fatwa yang tidak dirujuk kepada anggota panel Majlis Islam Sarawak (MIS).

Mengulas laporan muka depan sebuah akhbar tempatan berhubung langkah mengharamkan penyertaan umat Islam dalam sukan bina badan di negeri itu, beliau berkata tidak ada seorang individu Islam boleh mengeluarkan sebarang fatwa yang boleh menyekat kebebasan orang lain.

Sebelum itu, jurucakap Persatuan Bina Badan Sarawak (SBA) berkata, pihaknya menerima surat daripada Jais bertarikh 8 Ogos lalu yang menyebut bahawa umat Islam dilarang mengambil bahagian dalam pertandingan sukan bina badan kerana ia mendedahkan aurat di khalayak ramai, memandangkan aurat lelaki adalah dari paras pusat hingga ke lutut.

Surat itu juga menyebut bahawa kesalahan itu melanggar Seksyen 4(1) Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 1991 yang membawa kepada hukuman denda sehingga RM1,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

SBA juga mengesahkan bahawa 60 peratus daripada ahli bina badan di Sarawak adalah beragama Islam.

(END)